



# Dipercayai: kod kita



# Melakukan perkara yang betul. Untuk kebaikan.

Fikirkan sejenak tentang pekerjaan anda. Fikirkan tentang BT. Anda bekerja untuk salah sebuah perniagaan teknologi yang terbesar di dunia. Luar biasa bukan? Namun begitu, bukan skala kita sahaja yang menjadikan kita luar biasa, tetapi semangat kita untuk menang, perkara yang kita perjuangkan.

Setiap hari, perniagaan, kerajaan dan jutaan orang di seluruh dunia mempercayai kita bagi memastikan mereka terus berhubung, bekerja dan belajar. Dari kuasa meraikan perkhidmatan mudah alih, internet dan TV, hingga perniagaan infrastruktur menjadi asas dan daya kritis menyelamatkan nyawa daripada perkhidmatan kecemasan, tidak ada orang yang mempunyai kemampuan dan peluang yang kita ada. Itulah fakta yang cukup hebat.

Perkara yang kita lakukan dan yang anda lakukan itu penting, kerana bersama-sama kita membina dunia yang lebih baik, selamat dan mampan. Kita mempunyai sebuah perniagaan yang penuh dengan juara, pencipta, pemikir, pembuat, penyelenggara dan pelaksana. Setiap peranan ini penting, kerana peranan BT dalam masyarakat cukup penting. Anda benar-benar boleh berbangga dengan peranan yang anda mainkan.

Cita-cita kita besar. Menjelang 2030, kita akan menjadi penghubung manusia, peranti dan mesin yang paling dipercayai di dunia. Bagaimanakah kita akan mencapainya? Jawapannya adalah mudah – ia bermula dan berakhir dengan kita. Kita tidak boleh leka. Kita mesti bekerja dengan pantas, dengan tenaga, kadar dan mentaliti pemenang yang sesuai dengan rancangan pertumbuhan kita dan melebihi jangkaan pelanggan kita. Semangat inilah yang dirasakan di seluruh perniagaan kita setiap hari, yang akan terus memacu kita. Kita ialah sebuah pasukan. Sebuah pasukan yang luar biasa.











Sebuah pasukan yang bergantung pada orang ramai, perniagaan besar dan kecil dan organisasi kerajaan. Sebuah pasukan yang berkaitan dengan anda. Hubungan yang kita bina dengan satu sama lain, rakan kongsi kita dan pelanggan kita adalah teras kepada cita-cita kita. Untuk menjadi pasukan paling dipercayai dalam segala hal bermakna kita mestilah dirangsang oleh keupayaan, integriti, kaitan dan ketelusan.

Dengan sebab inilah kita telah Dipercayai: kod kita. Panduan inilah yang menentukan kedudukan kita di dunia dengan melakukan sesuatu dengan betul, setiap kali. Apabila perniagaan menjadi keperluan dalam kehidupan seharian seperti kita, maka kita bertanggungjawab untuk menjadikannya kekuatan untuk kebaikan. Kita mesti menghidupkan nilai-nilai peribadi, kesederhanaan dan kecemerlangan serta melakukan perkara yang betul. Kita harus menetapkan standard tertinggi, menunaikan kewajipan undang-undang dan peraturan kita, mewujudkan persekitaran yang paling adil dan mengalu-alukan, menghormati serta mendengar setiap suara. Dengan lebih daripada 100,000 rakan sekerja, di seluruh dunia, BT menggambarkan masyarakat tempat kita berkhidmat dan kita inginkan sebuah perniagaan yang mencerminkan dan meraikan sepenuhnya kepelbagaian tersebut.


## Bagaimanakah kita boleh bertolak ansur dengan sesuatu yang kurang?

Maksud mencapai cita-cita kita ialah menjangkau hasil yang hanya boleh dicapai melalui bersaing dan bertingkah laku dengan cara yang paling positif, asli dan jujur. Apabila kita melakukan sesuatu secara terbuka, lakukan dengan betul dan menentang perkara yang salah, dunia mengenali dan mempercayai kita bukan kerana perkara yang sudah kita lakukan dengan baik sahaja, tetapi cara kita melakukannya – atas sebab inilah kita berjaya. Apabila kita melakukan semua ini, bersama-sama, kita boleh berkata dengan bangganya bahawa di BT kita berhubung untuk kebaikan.

# Kandungan

	Kita saling menyokong, menghormati dan menghargai	04		Kita bersaing untuk menang secara adil	09
	Kita sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan keselamatan	05		Kita tidak mengambil jalan singkat	10
	Kita mewujudkan pengalaman pelanggan yang sangat menarik	06		Kita mengambil pendekatan bertanggungjawab terhadap teknologi	11
	Kita menyimpan maklumat dengan selamat	07		Kita menyayangi planet kita	12
	Kita dipercayai kerana kewangan kita	08		Kita bersuara	13





# Kita saling menyokong, menghormati dan menghargai

## Ini janji kita:

- Kita melayan satu sama lain secara berhemah dan terhormat supaya setiap orang berasa mereka mampu menjadi diri sendiri. Kita mengharapkan semua orang memimpin melalui teladan dan bertindak apabila melihat atau mendengar bahasa ataupun tingkah laku yang tidak memenuhi harapan tinggi kita.
- Kita memastikan supaya tiada ruang untuk diskriminasi, buli atau gangguan dan mengambil pendekatan toleransi sifar sekiranya mengetahui perkara tersebut. Standard tinggi yang kita tetapkan melangkaui perkara yang berlaku di tempat kerja dan merangkumi cara kita menggunakan media sosial.
- Kita mewujudkan ruang untuk semua orang bersuara dan didengari. Kita mengalu-alukan pandangan berbeza untuk membuka idea dan memulakan perbualan lain. Kita saling mendengar. Semua orang dihormati.

## Cara melakukannya dengan betul

- Kita menggunakan rasa empati kita agar dapat menyedari perbezaan, emosi dan motivasi orang lain dan kita menyuarakan kebimbangan tentang diskriminasi, gangguan atau bentuk tingkah laku tidak sopan yang lain kepada manager kita. Kita tidak akan membelakangkan sesuatu perkara kita mengambil berat tentangnya.
- Kita masing-masing mempunyai tanggungjawab peribadi untuk memastikan cara kita bercakap antara satu sama lain dan cara kita berkelakuan adalah inklusif. Daripada perkhidmatan yang kita sediakan, produk yang kita reka bentuk hinggalah dokumen yang

kita hasilkan, kita memastikan semuanya dapat diakses. Secara semula jadinya, penyertaan terpakai untuk semua orang dan tidak bersangkut paut dengan hierarki atau peranan dalam perniagaan kita.

- Apabila mempunyai soalan, kita bertanya kepada manager kita terlebih dahulu. Atau kita pergi ke halaman kepelbagaian dan penyertaan di intranet untuk mengetahui lebih lanjut tentang Rangkaian Warga kita dan mempelajari mengenai tindakan yang kita ambil untuk mewujudkan persekitaran dan pengalaman yang benar-benar inklusif dan mesra di tempat kerja.





# Kita sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan keselamatan

## Ini janji kita:

- Kita mengambil berat tentang kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kita serta memahami sebanyak mana tumpuan dan perhatian diperlukan untuk memastikan kita semua dapat berkembang maju dan menjadi yang terbaik di tempat kerja. Ini bermakna dengan menjaga kebersihan, keselamatan tempat kerja kita dan di tempat yang kita rasa seronok dan bangga untuk bekerja.
- Kita serius tentang keselamatan dan ingat bahawa kita harus sentiasa melindungi kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Bagi kita, tidak ada jalan pintas untuk menjaga keselamatan semua orang. Kita semua bekerja dengan selamat dan kita semua akan pulang dengan selamat, kerana kita menjaga keselamatan antara satu sama lain dan orang lain seperti kontraktor, pelanggan, orang ramai dan mereka yang berkongsi ruang di tempat kita bekerja.
- Kita ingat bahawa pekerjaan telah terbukti memberi manfaat kepada kesihatan dan begitu juga sebaliknya, jadi kita memberikan banyak maklumat, sumber dan panduan untuk membantu kita semua hidup sesihat yang mungkin.

## Cara melakukannya dengan betul

- Pergi ke halaman kesejahteraan di intranet dan gunakan semua sumber yang tersedia agar dapat menyokong kesejahteraan fizikal dan mental kita.
- Kita berkongsi tanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran yang selamat untuk semua orang yang terpengaruh dengan kerja kita. Apabila kita ternampak sesuatu di tempat kerja yang tidak kelihatan atau dirasakan selamat, kita akan memberitahu seseorang. Hubungi rakan sekerja di kesihatan dan keselamatan, pengurus peringkat atau wakil keselamatan kesatuan anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang keselamatan di tempat kerja.
- Berbuat baik kepada diri sendiri. Jangan sekali-kali membiarkan kerja menghalang anda. Ambil pemakanan yang sihat, bersenam dan luangkan masa untuk menghirup udara segar. Kesejahteraan setiap orang adalah dihargai dan disokong.





# Kita mewujudkan pengalaman pelanggan yang sangat menarik

## Ini janji kita:

- Kita melayan setiap pelanggan, sama ada individu atau organisasi, kerana mereka suka dilayan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berbeza dan unik.
- Kita menjadikan semua perkara mudah dan senang untuk pelanggan kita, menjaga keperluan mereka adalah keutamaan kita.
- Kita menyampaikan teknologi, produk dan perkhidmatan yang cemerlang untuk pelanggan kita bagi memberikan setiap pengalaman pelanggan yang sangat menarik yang hanya kita dapat berikan kerana kemampuan, teknologi dan kepakaran kita yang unik.


## Cara melakukannya dengan betul

- Kita membina pasukan kita untuk mewakili pelanggan yang kita layani setiap hari. Ini menjadikan pemikiran kita lebih luas dan selaras dengan kehidupan seharian pelanggan kita. Pemahaman peribadi dan responsif inilah yang membantu kita mendengar pelanggan kita. Semakin banyak yang kita dengar maka semakin baiklah kita.
- Rasa empati kita terhadap pelanggan membantu kita membangunkan produk dan perkhidmatan yang menang dengan mudah. Ini bermakna menjadikan kesemuanya lebih mudah serta senang digunakan dan untuk berbuat demikian kita perlu memudahkannya. Lebih mudah untuk menyertai kita dan

lebih senang kekal bersama kita. Kita berusaha untuk menjadi yang terbaik dan kita meluangkan masa untuk melihat perkhidmatan kita dari perspektif pelanggan untuk mengetahui bahawa kita melakukan perkara ini dengan betul.

- Kita taksud dengan peluang yang kita ada untuk menyampaikan teknologi penghubung dan perkhidmatan digital bagi bersambung untuk kebaikan. Standard kualiti, penyampaian dan keengganan kita untuk menerima apa-apa yang tidak mencapai kecemerlangan mendorong kita setiap hari.





# Kita menyimpan maklumat dengan selamat

## Ini janji kita:

- Kita melindungi maklumat pelanggan yang kita ada dengan aktif sekali – segalanya daripada perincian kontrak dan interaksi pelanggan hingga alamat e-mel dan butiran bank mereka. Pelanggan mempercayai kita dengan data mereka, dan kita memikul tanggungjawab ini dengan serius. Kita menyimpan data tersebut dengan selamat, terjamin, peribadi dan sulit.
- Kita juga perlu menyimpan maklumat peribadi dan sensitif tentang satu sama lain. Kita akan menyimpan maklumat ini secara peribadi, sulit, selamat dan terjamin dan hanya berkongsi maklumat ini apabila perlu.
- Kita memahami maklumat mengenai syarikat kita juga mungkin sangat sensitif – transaksi, angka penjualan, produk atau perkhidmatan baharu dll. Kita tidak mahu maklumat ini jatuh ke tangan yang salah, jadi kita memastikan maklumat ini kekal sulit, selamat dan terjamin.


## Cara melakukannya dengan betul

- Kita membiasakan diri dengan prinsip privasi. Prinsip ini menerangkan amalan privasi yang terbaik dan memastikan kita beroperasi mengikut lunas undang-undang privasi data.
- Dari segi undang-undang, kita mesti melaporkan sebarang pelanggaran data yang disyaki dengan segera.
- Kita mengikuti standard yang tertinggi berkenaan keselamatan ketika mengendalikan maklumat peribadi. Kita perlu menyediakan kawalan yang betul

untuk membantu kita melakukannya. Itu sebabnya kita hanya menggunakan alamat e-mel perniagaan apabila berkongsi sebarang maklumat yang berkaitan dengan pekerjaan kita dan kita tidak pernah berkongsi maklumat log masuk kita untuk mana-mana sistem kita.

- Kita menjaga keselamatan premis fizikal kita dengan memakai pas, menegur sesiapa sahaja yang tidak memakainya dan tidak pernah berkongsi pas dengan orang lain.





# Kita percaya dengan kewangan kita

## Ini janji kita:

- Kita menyediakan bil yang tepat dan mudah difahami kepada pelanggan kita.
- Kita menggunakan wang, aset dan sumber kita dengan berhati-hati dan kita menyimpan catatan terkini mengenai transaksi dan akaun kita dengan kawalan kewangan yang ketat. Kita melaporkan kedudukan kewangan syarikat dengan jelas, tepat dan mengikut pada masanya.
- Kita tidak bertolak ansur dengan penipuan, pengubahan wang haram, pengelakan cukai atau jenayah kewangan yang lain.


## Cara melakukannya dengan betul

- Kita jujur tentang perbelanjaan kita untuk tujuan syarikat sama ada perbelanjaan peribadi, perbelanjaan dengan pembekal atau kos dalaman kita sendiri untuk projek.
- Kita bertanggungjawab ke atas penggunaan aset syarikat dan tidak pernah menggunakan wang atau sumber syarikat untuk tujuan peribadi dan kita memperlakukan wang dan sumber daya syarikat dengan berhati-hati seolah-olah itu milik kita.
- Kita mengikuti standard kewangan, tadbir urus dan perakaunan antarabangsa yang ketat untuk merekod dan melaporkan kewangan kita. Sistem, proses dan kawalan kewangan kita disusun untuk menjaga kewangan kita

dengan betul dan melindungi aset syarikat. Kita melaksanakan sistem, proses dan kawalan ini dengan cara yang jujur, tepat pada masanya dan sesuai, supaya maklumat kewangan syarikat adalah tepat dan terkini.

- Sistem kita merangkumi kawalan yang menghalang kita daripada terdedah kepada jenayah kewangan seperti penipuan, pengubahan wang haram, pengelakan cukai atau rasuah dan sama ada ia melibatkan rakan sekerja, pelanggan atau pihak ketiga, kita melaporkan semua perkara yang disyaki penyelewengan kewangan kepada pasukan kewangan dan keselamatan kita supaya mereka dapat disiasat.





# Kita bersaing untuk menang secara adil


## Ini janji kita:

- Kita beroperasi di pasaran yang kompetitif. Kita bersaing untuk menang tetapi tidak dengan sebarang kos. Kita selalu bersikap integriti dan adil dan mengikut peraturan. Kita bercakap tentang kekuatan sendiri dan bukannya kelemahan pesaing. Kita bangga kerana kita bersikap jujur dan dipercayai dalam semua urusan kita, mengelakkan konflik kepentingan selagi termampu dan kita menegaskan bahawa sesiapa yang bekerja bagi pihak kita mempunyai standard yang sama tinggi seperti kita.
- Kita memastikan bahawa pelanggan mengetahui tentang kelebihan produk unik kita dan menyokong pelanggan untuk membuat keputusan yang tepat tentang produk dan perkhidmatan yang mereka terima daripada kita, terutamanya ketika mereka dalam keadaan rentan.
- Kita tidak bertolak ansur dengan rasuah atau sogokan dalam apa jua bentuk dan kita tidak melanggar sekatan atau kawalan perdagangan lain.

## Cara melakukannya dengan betul

- Kita mematuhi semua panduan untuk melayan pelanggan kita dengan adil ketika bersaing untuk menang. Ini termasuk kekal mematuhi Komitmen kita terhadap Ofcom dan keperluan Pihak Berkuasa Perlakuan Kewangan.
- Sekiranya kita bercakap atau membuat perbandingan tentang pesaing, kita tidak menggunakan pendapat kita sebagai fakta. Kita berpegang pada data yang tepat serta benar daripada sumber bebas yang disahkan untuk menunjukkan kualiti produk kita.
- Kita mengelakkan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan selagi boleh dan jika tidak boleh, kita mendaftarnya supaya dapat diuruskan dengan teliti. Ini termasuk bekerja dengan ahli keluarga, kepentingan perniagaan di luar BT, atau mengajak rakan untuk melakukan pekerjaan untuk BT. Kita mendaftarkan sebarang hadiah atau layanan hospitaliti yang kita berikan atau terima dan sebarang tajaan atau sumbangan amal lain yang kita berikan.
- Kita mematuhi kawalan dalam membekalkan barangan, perkhidmatan dan teknologi dari satu negara ke negara lain.
- Kita mengambil khidmat rakan kongsi dan pembekal dengan berhati-hati dan menguruskan hubungan ini secara proaktif untuk membina perkongsian yang kuat berdasarkan nilai bersama.





# Kita tidak mengambil jalan singkat


## Ini janji kita:

- Kita ialah peneraju kualiti, baik dalam perkara yang kita lakukan dan cara kita melakukannya. Kita membina dan mengendalikan produk, perkhidmatan dan proses dalaman kita dengan keselamatan, integriti dan sejajar dengan amalan terbaik industri, untuk memberikan kecemerlangan kepada pelanggan kita. Inilah cara kita membina hubungan yang dipercayai. Kita tidak menunggu sehingga timbul sesuatu yang tidak kena – bila ada sesuatu yang tidak betul, kita perbaiki. Sekiranya ada kaedah yang lebih baik untuk melakukan sesuatu, kita akan mencarinya.
- Kita bangga dengan penanda aras tinggi yang kita usahakan di seluruh perniagaan kita, tetapi kita tidak akan leka – kita akan terus berusaha untuk belajar, berkembang dan menambah baik. Pendekatan inilah yang membuat kita berada di kedudukan atas dalam perniagaan dan mendahului persaingan, tangkas dan mampu bergerak dengan pantas, tanpa mengorbankan kualiti atau kepercayaan pelanggan dan rakan kongsi kita.
- Kita bijak menangani risiko. Kita memahami dan mengurus risiko dengan baik membolehkan kita lebih mengambil risiko yang betul pada masa yang tepat. Kita tidak takut untuk menjadi berani, tetapi kita tidak pernah bertindak melulu. Kita berfikir dengan teliti tentang keputusan kita, menerima nasihat yang tepat dan sentiasa berfikir sebelum bertindak.

## Cara melakukannya dengan betul

- Kita tidak gentar dengan pendekatan kita untuk mencipta, menguji dan belajar bagi memberikan pengalaman yang sangat menarik kepada pelanggan, rakan sekerja dan pihak berkepentingan lain yang membantu kita menang. Kita menyempurnakannya dengan menggabungkan pengetahuan dan imaginasi kita, dan menumpukan kepada standard yang diharapkan oleh semua orang daripada kita.
- Di tempat yang tidak mengamalkan ukuran kualiti, kita bertanggungjawab untuk menentukannya dan mengembangkannya. Kita melakukan perkara ini dengan cepat dan amat mudah, menyingkirkan proses tidak perlu yang melambatkan kita.
- Kita bekerjasama. Mendorong budaya supaya kita boleh menjadi yang terbaik, berkongsi idea, menyampaikan penyelesaian baharu dan saling belajar untuk memantapkan standard yang kita tetapkan dan kepantasan penyampaian kita dan kita tidak pernah menjejaskan kejujuran dan integriti kita.





# Kita mengambil pendekatan bertanggungjawab terhadap teknologi

## Ini janji kita:

- Kita mengambil pendekatan bertanggungjawab terhadap teknologi. Kita memastikan produk kita terjamin dari segi reka bentuk dan sentiasa selaras dengan standard keselamatan kita. Kita mengembangkan, menggunakan, membeli dan menjual teknologi dan memanfaatkan kecerdasan buatan dan inovasi dan perkembangan lain dengan cara yang menguntungkan syarikat dan pihak berkepentingan kita dan mengurangkan bahaya. Kita berhasrat untuk memimpin industri dalam bidang ini.
- Kita sentiasa mengingati maruah dan kesaksamaan setiap orang, tanpa mengira individu tersebut atau tempat tinggal mereka – ini termasuk rakan sekerja, pelanggan dan orang lain yang terkesan akibat kita.
- Kita sangat berhati-hati dalam menghormati privasi dan ekspresi bebas orang lain dan kita tidak bertolak ansur dengan perhambaan moden, buruh kanak-kanak atau penyalahgunaan hak asasi manusia lain di mana-mana bahagian operasi kita atau perniagaan yang kita bekerjasama.

## Cara melakukannya dengan betul

- Kita mematuhi Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan berpandukan prinsip teknologi bertanggungjawab kita sendiri dalam keputusan harian kita.
- Kita berfikir dengan teliti tentang kesan teknologi kita. Untuk membantu menjayakannya, kita mematuhi kawalan dan proses yang disediakan bagi memastikan pembekal kita tidak mengeksploitasi pekerja mereka, pelanggan kita tidak menyalahgunakan produk kita dan apa jua yang kita lakukan dengan data orang adalah secara beretika dan menghormati hak mereka.
- Kita mereka bentuk dan menyampaikan teknologi untuk memperkasakan orang ramai dan memperbaiki kehidupan mereka. Ini bermaksud bahawa kita berada di barisan hadapan kerana kita bertanggungjawab, adil dan terbuka terhadap penggunaan kecerdasan buatan dan inovasi lain dan cabaran etika yang dapat wujud, daripada isu sekitar privasi dan penyalahgunaan analisis hingga cabaran tahap tinggi automasi dan maksud untuk tanggungjawab dan pekerjaan peribadi dan korporat.





# Kita menyayangi planet kita

## Ini janji kita:

- Bagi kita perubahan iklim adalah tentang perubahan yang berkekalan, dan kita komited untuk menjadi sebuah perniagaan pengeluaran karbon sifar bersih menjelang 2045.
- Kita komited untuk menggunakan sumber yang boleh diperbaharui, menyahkarbon dalam pengangkutan kita dan mengurangkan pengeluaran karbon dalam operasi kita. Kita akan bertindak secara aktif dalam menjaga dan melindungi sumber yang menjadi tempat bergantung kita semua, mencari lebih banyak peluang untuk memberi kesan positif kepada planet ini.
- Bersama dengan pelanggan, rakan sekerja dan pembekal, kita akan berusaha untuk mengurangkan penggunaan, mengguna semula dan mengitar semula di mana-mana jua yang kita boleh meminimumkan pembaziran dan melupuskan dengan sewajarnya.

## Cara melakukannya dengan betul

- Ikuti panduan tentang cara mendorong tindakan iklim pembekal, membantu pelanggan mengurangkan karbon dan memainkan peranan anda di tempat kerja dan di rumah.
- Hormati tempat kerja kita– di dalam dan di luar, untuk kita dan pelanggan kita serta untuk komuniti setempat memilih untuk berkongsi ruang dengan kita.
- Fikirkan dengan teliti cara tindakan kita boleh membaiki keadaan planet ini. Fahami komitmen yang telah kita lakukan kepada satu sama lain untuk minimumkan kesan kita terhadap di planet ini.





# Kita bersuara

## Ini janji kita:

- Kita bersuara apabila mempunyai idea, soalan atau kebimbangan.
- Kita melayan orang lain dengan hormat dan memanjangkan idea, meleraikan kebimbangan atau memberi penjelasan sekiranya tidak mampu. Kita mendengar namun tidak menghakimi idea orang lain. Semua orang di sini berpeluang untuk bersuara.
- Sekiranya ada yang ingin menyuarakan kebimbangan mengenai apa-apa yang tidak sesuai dengan kod kita, kita memberi semua orang akses kepada perkhidmatan yang memudahkan proses ini. Perkhidmatan yang membolehkan kita semua bersuara dengan bebas dan terbuka, tanpa prejudis atau tindakan balas.

## Cara melakukannya dengan betul

- Biasakan diri dengan kod kita. Pendirian kita sebagai sebuah perniagaan memang jelas dan kita harus bersemangat untuk memainkan peranan yang aktif dalam menjaga pekerjaan, pelanggan dan komuniti kita.
- Sudah semestinya kita semua mahu bekerja dalam persekitaran yang selamat, kita mengambil berat tentang kesejahteraan semua orang dan tidak membenarkan perkara seperti buli dan pengecualian dalam perniagaan kita. Oleh sebab itu, pentingnya untuk bersuara apabila kita melihat sesuatu yang kita rasa tidak betul, walaupun perkara itu tidak mempengaruhi kita secara langsung. Standard yang kita lalui adalah standard yang kita terima.
- Sekiranya kita memerlukan bantuan terhadap sesuatu yang kita lihat, dengar atau alami di tempat kerja yang menyalahi kod kita, kita permudahkan dengan bercakap mengenainya dengan seseorang. Saluran Speak Up kita telah disusun supaya kita boleh saling mendengar, membangkitkan kebimbangan dan mendapatkan sokongan terhadap masalah tertentu yang mungkin kita hadapi. Kita juga boleh menghubungi wakil pekerja kita untuk mendapatkan bantuan dan nasihat lebih lanjut sekiranya memerlukan.



